

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : NASIONAL

Penularan COVID-19

1,210 kes baharu dilaporkan, 518 dari Lembah Klang

19 dapat jangkitan luar negara, jumlah kumulatif pulih 73.6 peratus

Oleh Mohd Nasaruddin Parzi dan Noor Atiqah Sulaiman
bhnews@bh.com.my

Putrajaya: Jumlah kes baharu COVID-19 terus meningkat apabila 1,210 kes dicatatkan semalam berbanding 1,103 kelmarin, menjadikan jumlah kumulatif kes di negara ini 49,730 kes.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah, berkata daripada jumlah kes baharu semalam, 19 adalah kes import yang mendapat jangkitan dari luar negara.

Hingga kini jumlah kes aktif dengan kebolehhajjangan COVID-19 di negara ini adalah sebanyak 12,788.

"Negeri di Lembah Klang mencatatkan sebanyak 518 kes baharu atau 42.8 peratus.

"Daripada jumlah ini, 435 kes (84.0 peratus) disumbangkan oleh kluster sedia ada.

"Di Kuala Lumpur terdapat 206 kes baharu yang dikesan daripada Kluster Tapak Bina Damamela yang semuanya membabitkan warga tempatan," katanya dalam kenyataan, semalam.

Selangor turut mencatatkan pertambahan jangkitan iaitu 259 kes dan daripada jumlah itu 131 dikesan dalam Kluster Teratai yang membabitkan 131 kes (92.3 peratus) dalam kalangan warga asing. Kedua-dua kluster ini adalah kluster di tempat kerja. Sabah pula mencatat 499 kes



Petugas barisan hadapan membuat pengesanan kes di asrama pekerja yang terabit pelaksanaan PKPD selepas Kementerian mengesan 215 jangkitan di Klang, semalam.
(Foto Asyraf Hamzah/BH)

atau 41.2 peratus daripada keseluruhan kes positif semalam dan daripada jumlah itu 122 (24.4 peratus) dikesan dalam Kluster Penjara Sandakan (122) diikuti 106 kes (21.2 peratus) pula adalah daripada kluster baharu iaitu Kluster Avenue.

Dalam pada itu, Dr Noor Hisham Abdullah, berkata sehingga jam 12 tengah hari semalam 1,018 kes pulih menjadikan jumlah kumulatif kes pulih sebanyak 36,624 kes 73.6 peratus daripada jumlah keseluruhan kes.

Lima kematian turut dicatatkan semalam menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 318 kes bersamaan 0.6 peratus daripada keseluruhan kes.

Empat kes kematian dilaporkan di beberapa daerah di Sabah, manakala satu kes kematian di Perak.

Kes kematian semalam membabitkan dua wanita berusia 59 dan 65 tahun, manakala tiga lelaki pula berumur antara 25 hingga 80 tahun.

Sementara itu, lima lagi kluster baharu direkodkan semalam membabitkan dua di Sabah serta masing-masing satu di Kuala Lumpur, Pulau Pinang serta Kelantan dan Terengganu.

Dua kluster di Sabah adalah Avenue di Penampang dan Kejora di Kota Kinabalu, yang mana masing-masing sudah merekod 110 kes dan sembilan kes positif setakat ini.

Sementara tiga lagi katanya, adalah Kluster Kasah (Kuala Lumpur), Kluster Summer (Pulau Pinang) serta Kluster Mengketil membabitkan daerah Kota Bharu, Machang dan Tanah Merah di Kelantan serta

Besut di Terengganu.

Dr Noor Hisham berkata, peningkatan mendadak kes di Lembah Klang sejak akhir-akhir ini disebabkan peningkatan kes berkaitan dengan tempat kerja.

Daripada 162 kluster aktif yang dilaporkan, 72 kluster berkaitan tempat kerja termasuk empat kluster baharu yang ditumuhkan semalam.

"Ini berikutan ketiga-tiga negeri ini pusat tumpuan warga pekerja. Kepadatan penduduk di negeri ini juga menjadi antara faktor risiko meningkatnya kadar kebolehhajjangan atau penularan penyakit COVID-19.

"Tenaga kerja adalah aset berharga bagi sesebuah syarikat mahupun organisasi. Ini termasuk pekerja dalam kalangan warganegara mahu pun bukan warganegara," katanya.

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 49

RUANGAN : DUNIA

Penularan COVID-19

Laporan vaksin memberangsangkan

WHO bimbang peningkatan kes, beri amaran belum masa berasa selesa

Geneva: Pemimpin Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) menyifatkan laporan perkembangan vaksin COVID-19 yang sedang dibangunkan, sebagai memberangsangkan.

Ketua Pengarah WHO, Dr Tedros Adhanom Ghebreyesus, bagaimanapun menyuarakan kebimbangan terhadap peningkatan kes wabak itu, sekali gus memberi amaran bahawa masih belum ma-

sanya untuk berasa selesa dan berpuas hati.

"Kita terus menerima berita memberangsangkan mengenai vaksin COVID-19," katanya pada taklimat media secara maya.

Katanya, beliau 'optimis secara berjaga-jaga' bahawa hasil penemuan baharu terbabit dapat mula diedarkan dalam masa beberapa bulan lagi.

"Namun, sekarang bukan masa

untuk berasa selesa dan berpuas hati," katanya.

Beliau menjelaskan bahawa perjalanan masih jauh dan pada masa sama, kes serta kematian akibat COVID-19 pula terus melonjak di serata dunia.

"Negara yang membiarkan virus itu merebak, umpama sedang bermain dengan api," katanya.


Jumlah jangkitan di seluruh dunia sudah menghampiri 55 juta dengan lebih 1.3 juta kematian.

Pakar perubatan memberi amaran kaedah masih sukar ditangan untuk beberapa bulan akan datang.

AFP



Pekerja kesihatan bergerak mengambil sampel calitan di kawasan orang ramai di New Delhi, India, semalam. (Foto AFP)



Vaksin dibangunkan Sanofi tidak memerlukan suhu terlampau sejuk (Foto hiasan)

Sanofi jangka sedia edar Jun depan

Paris: Vaksin COVID-19 sedang dibangunkan Sanofi tidak memerlukan suhu terlampau sejuk, sebaliknya memadai disimpan dalam peti sejuk biasa.

Perkara berkenaan dimaklumkan ketua syarikat berpangkalan di Paris itu, Olivier Bogillot.

Kenyataan itu menyusul selepas syarikat farmaseutikal gergasi Amerika Syarikat (AS), Pfizer bersama BioNTech dari Jerman, mengumumkan keberkesanan vaksin sedang dibangunkan oleh mereka, terbukti mencapai 90 peratus.

Bagaimanapun, vaksin itu mesti disimpan dalam suhu -70 darjah Celsius, iaitu di luar kemampuan peti beku dimiliki kebanyakan hospital dan peralatan domestik ketika ini.

"Vaksin kami akan seperti vaksin selesama. Boleh disimpan dalam peti sejuk anda.

"Ini akan memudahkan bagi se-

setengah negara," kata Bogillot kepada saluran *CNews*.

Beliau berkata, vaksin sedang dibangunkan Sanofi itu dijangka sedia untuk diedarkan pada Jun tahun depan.

Katanya, hasil ujian fasa dua ke atas vaksin berkenaan yang membabitkan ratusan individu, akan diumumkan pada awal bulan depan.

Jika keputusannya positif, ujian fasa ketiga membabitkan ribuan orang akan dimulakan.

"Vaksin Pfizer 'lebih maju sedikit' dalam proses pembangunan, namun satu makmal saja tidak akan berupaya membekalkan dos kepada seluruh dunia.

"Kita memerlukan beberapa pemenang pada akhir persaingan ini," katanya sambil memaklumkan produk Sanofi itu akan dijual pada harga mampu milik tanpa memberikan perincian lanjut.

AFP

AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 4
RUANGAN : NEGARA

1,210 kes baharu dengan lima kematian dicatatkan semalam

Kluster tempat kerja meningkat

Oleh SITI A'ISYAH SUKAIMI

PUTRAJAYA – Dua kluster melibatkan tempat kerja iaitu Kluster Tapak Bina Damanlela dan Kluster Teratai di Lembah Klang menjadi penyumbang kes tertinggi dicatatkan semalam.

Berdasarkan angka kes harian negara, sebanyak 1,210 kes baharu dilaporkan dengan negeri-negeri di Lembah Klang mencatatkan sebanyak 518 kes positif.

Kluster Tapak Bina Damanlela mencatatkan 206 kes kesemuanya warga asing menjadikan jumlah kes positif sebanyak 1,338 kes.

Ia diikuti Kluster Teratai di Selangor dengan 142 kes melibatkan 131 warga asing dengan keseluruhan kes positif sebanyak 370 kes.

Sabah mencatatkan sebanyak 499 kes antara lain disumbangkan oleh Kluster Penjara Sandakan dan kluster baharu iaitu Kluster Avenue.

Dalam masa sama, kluster-kluster penjara merekodkan sebanyak 172 kes melibatkan Klus-

ter Penjara Sandakan (122 kes), Kluster Tembok (20 kes), Kluster Penjara Kepyayan (16 kes) dan Kluster Penjara Seberang Perai (14 kes).

Terdapat pertambahan lima kes kematian iaitu satu di Perak dan empat di Sabah membabitkan tiga lelaki dan dua wanita berusia 25 hingga 80 tahun dengan pelbagai latar belakang penyakit.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr. Noor Hisham Abdullah berkata, terdapat lima kluster baharu dilaporkan semalam iaitu Kluster Avenue di Penampang, Sabah dengan kes indeks seorang penyelia tapak pembinaan positif hasil saringan bergejala.

Menurutnya, Kluster Kejora di Kota Kinabalu dengan kes indeks saringan bergejala sementara Kluster Kasah di Kepong, Kuala Lumpur melibatkan kes-kes kluster hasil saringan kumpulan berisiko tinggi iaitu pekerja di sebuah syarikat keselamatan," katanya di sini semalam.



NOOR HISHAM

Beliau berkata, kluster baharu lain ialah Kluster Summer di Timur Laut, Pulau Pinang, Kluster Mengketil di Kota Bharu, Machang dan Tanah Merah, Kelantan serta Besut, Terengganu.

Sementara itu, Noor Hisham

Angka Terkini Kes Covid-19 Di Malaysia sehingga semalam

	Jumlah
• Kes baharu	1,210
• Import: 19 Tempatan: 1,191	
• Pullih	1,018
• Kematian	5
• Masih dirawat	12,788
• Jumlah kes sembuh	35,624
• Jumlah Kematian	318
Jumlah kes keseluruhan	49,730

menyeru majikan memainkan peranan lebih besar dalam bersama-sama menangani penularan Covid-19 dalam kalangan pekerja warga asing.

Menurutnya, beberapa faktor yang menyumbang kepada penularan penyakit berjangkit dalam

kalangan pekerja misalnya isu tempat penginapan, kebersihan sendiri dan persekitaran di tempat tinggal serta tempat kerja. Justeru katanya, majikan boleh mengambil tindakan dengan memberikan pendidikan kepada pekerja mengenai amalan kebersihan sendiri, persekitaran di tempat kerja dan tempat tinggal serta langkah pencegahan.

Dalam pada itu, beliau berkata, peningkatan kes mendadak di negeri-negeri Lembah Klang akhir-akhir ini disebabkan peningkatan kes berkaitan dengan tempat kerja. "Daripada 162 kluster aktif Covid-19 yang dilaporkan, sebanyak 72 kluster adalah berkaitan tempat kerja termasuk empat kluster baharu yang diumumkan hari ini.

"Ini berikutan ketiga-tiga negeri (di Lembah Klang) ini adalah pusat tumpuan warga pekerja.

"Kepadatan penduduk juga menjadi salah satu faktor risiko meningkatnya kadar kebolehtangkitan atau penularan penyakit Covid-19," jelasnya.

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 8

RUANGAN : COVID-19

covid-19

Pendakwaan dua lelaki dijalankan melalui sidang video Zoom

Petaling Jaya: Dua lelaki warga asing yang disahkan positif Covid-19, semalam masing-masing didakwa dari sebuah lokap dan wad sebuah hospital melalui aplikasi video Zoom.

Prosiding dakwaan terhadap lelaki warga Bangladesh yang berusia 33 tahun dan lelaki warga India berusia 43 tahun itu dikendalikan secara dalam talian yang dihadiri majistret, timbalan

pendakwa raya (TPR) dan peguam yang berada di mahkamah.

Bagi warga Bangladesh itu yang kini ditahan di sebuah lokap di sini, dia didakwa atas pertuduhan melarikan diri selepas disahkan positif Covid-19, yang perbuatannya itu boleh menyebabkan merebaknya penyakit yang boleh membahayakan nyawa.

Dia dituduh melakukan

kesalahan itu di sebuah tapak projek di Kota Damansara di sini, pada jam 10 malam, 22 Oktober lalu mengikut Seksyen 269 Kanun Keseksaan yang memperuntukkan hukuman penjara maksimum enam bulan atau denda atau kedua-duanya jika sabit kesalahan.

Tiada pengakuan direkodkan daripada tertuduh yang tidak diwakili peguam itu

kerana dia tidak memahami Bahasa Melayu. Pendakwaan dikendalikan TPR Sharifah Zafirah Syed Mustapa.

Majistret M Barath menetapkan 8 Februari depan untuk sebutan semula kes bagi kehadiran jurubahasa bahasa Bangladesh.

Sementara itu, bagi prosiding dalam talian di Mahkamah Majistret berasingan, lelaki warga India yang ditahan di wad sebuah hos-

pital kerana positif Covid-19 pula mengaku tidak bersalah tinggal di Malaysia tanpa premit yang sah.

Dia dituduh melakukan kesalahan itu di Persiaran Margosa Bandar Sri Damansara di sini, pada jam 6:30 petang, 2 November lalu mengikut Seksyen 6(1)(c) Akta Imigresen 1959/63 dan boleh dihukum di bawah Seksyen 6(3) akta sama yang memperuntukkan hukuman den-

da maksimum RM10,000 atau penjara hingga lima tahun dan sebat tidak melebihi enam kali, jika sabit kesalahan.

Pendakwaan dikendalikan TPR Zamriah Zarifah Aris manakala, tertuduh diwakili peguam Syed Azharul Asiq Syed Azhar.

Majistret Muhammad Iskandar Zainol menetapkan 18 Januari untuk sebutan semula kes.

Kekal empat angka

1,210 kes positif Covid-19 dilaporkan dan lima kematian direkodkan

Oleh Ekhwan Haque
Fazlul Haque
ekhwan@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Kes positif Covid-19 kekal empat angka selama dua hari berturut dengan 1,210 kes dilaporkan sehingga jam 12 tengah hari semalam.

Ketua Pengarah Kesihatan Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, angka itu menjadikan kes positif di Malaysia 49,730 kes dan kes aktif dengan kebolehan jangkitan sebanyak 12,788 kes.

Menurutnya, negeri di Lembah Klang seperti Selangor, Kuala Lumpur (KL) dan Putrajaya mencatatkan se-

banyak 518 kes positif.

"Daripada jumlah itu, sebanyak 435 kes daripada kluster sedia ada dengan 206 kes bagi Kluster Tapak Bina Damanlela yang membabitkan warganegara asing di KL.

"Sebanyak 142 kes yang dilaporkan di Selangor pula daripada Kluster Teratai yang membabitkan 131 bukan warganegara manakala Sabah merekodkan 499 kes," katanya dalam satu kenyataan media, semalam.

Beliau berkata, Malaysia mencatatkan kes pulih Covid-19 sebanyak 1,018 kes menjadikan jumlah kes pulih sepenuhnya 36,624 kes.

Dalam pada itu, lima kematian direkodkan menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 318 kes.

"Kematian membabitkan tiga lelaki dan dua wanita berusia antara 25 tahun hingga 80 tahun dengan empat daripadanya di Sabah dan seorang di Perak.

"Empat pesakit yang meninggal dunia ini menghidap pelbagai penyakit kronik antaranya darah tinggi, kencing manis, sakit jantung, buah pinggang dan asma," katanya.



Cari rezeki tepi jalan

NURHANA Ismail bersama rakannya, Raja Ahmad Taufik yang hilang pekerjaan mula berniaga di tepi jalan menjual udang harimau dan latok atau anggur laut di Taman Setiawangsa. Mereka berterima kasih kepada Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) membenarkan peniaga kecil seperti mereka berniaga di tepi jalan semasa dalam Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB). Mereka memulakan perniagaan seawal jam 9 pagi hingga jam 7 malam setiap hari.

KKM kesan lima kluster baharu

Kuala Lumpur: Sebanyak lima lagi kluster baharu Covid-19 dikesan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), semalam.

Ketua Pengarah Kesihatan Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, dua kluster iaitu Kluster Avenue dan Kluster Kejora membabitkan kawasan di Penampang dan Kota Kinabalu, Sabah.

Menurutnya, Kluster Avenue merekodkan 110 kes positif selepas saringan dijalankan terhadap 246 individu manakala sembilan dilaporkan positif daripada Kluster Kejora.

"KKM juga mengesan Kluster Kasah di Kepong membabitkan pekerja syarikat keselamatan dengan

19 daripada 70 individu yang disaring adalah positif.

"Kluster Summer di daerah Timur Laut, Pulau Pinang merekodkan 11 kes positif hasil saringan terhadap 53 individu.

"Bagi Kluster Mengketil yang membabitkan daerah Kota Bharu, Machang dan Tanah Merah di Kelantan dan Besut, Terengganu merekodkan 24 kes positif hasil saringan 210 individu," katanya dalam satu kenyataan media, semalam.

Dr Noor Hisham berkata, semalam juga menyaksikan lima kluster ditamatkan membabitkan Kluster Bangau-Bangau, Tasik, Olive, Buang Sayang dan Kau Sing.

19 positif di Kelantan

Kota Bharu: Kelantan mencatatkan 19 kes positif Covid-19, semalam dengan satu kluster baharu iaitu Kluster Mengketil.

Jabatan Kesihatan Negeri menerusi Facebooknya memaklumkan, ia membabitkan 12 kes dari Kota Bharu, lima kes di Tanah Merah dan dua kes di Machang.

Daripada jumlah kes berkenaan, 12 kes adalah daripada Kluster Mengketil, tiga kes daripada Kluster Kube dan empat kes daripada Kluster Raya dan saringan survelan.

Kota Bharu kini berada di zon jingga dengan merekodkan 28 kes dan tiga daerah zon kuning iaitu Machang, Tanah Merah dan Jeli.

Pada masa sama, empat kes dilaporkan sembuh dan

dibenarkan keluar hospital.

Sementara itu, Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Perumahan dan Kesihatan negeri, Dr Izani Husin berkata, orang ramai diminta berhati-hati dan mengikut prosedur operasi standard (SOP) ditetapkan bagi memutuskan rangkaian Covid-19.

"Sehingga kini sudah terdapat dua kluster di Kelantan. Walaupun ia membimbangkan, namun masih dalam keadaan terkawal.

"Saya menasihatkan orang ramai supaya tidak keluar serta membawa anak ke tempat orang ramai bagi mengelak dijangkiti Covid-19.

"Patuhilah arahan dikeluarkan. Jika tidak penting, janganlah keluar rumah," katanya.



DR Noor Hisham

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 9

RUANGAN : COVID-19

Kadar kesembuhan pesakit lebih tinggi

Kuala Lumpur: Malaysia berjaya mengimbangi kes positif jangkitan Covid-19 dan pesakit yang sedang dirawat di hospital dengan kadar kesembuhan lebih tinggi berbanding ketika gelombang pertama dan kedua pandemik itu.

Menteri Kesihatan Datuk Seri Dr Adham Baba berkata, kejayaan itu hasil usaha kerajaan yang menggunakan pelbagai langkah kesihatan awam dalam menangani pandemik dengan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) dan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD).

"Ada sesetengah pihak mahu PKPB ditamatkan lebih awal namun kami (kerajaan) perlu melihat penilaian risiko iaitu trend ataupun kebolehhajangan dalam komuniti sebelum membuat keputusan wajar.

"Walaupun kita (rakyat) dapat mematuhi prosedur operasi standard (SOP) pergerakan, mengimplimentasikan segala penguatkuasaan dan norma baharu menjadi mandatori, perlu diingatkan setakat ini masih tiada ubat khusus merawat Covid-19.

"Yang ada hanya rawatan yang berpatutan untuk kadar kesembuhan yang tinggi," katanya mengulas situasi semasa COVID-19 dalam rancangan Selamat Pagi Malaysia yang disiarkan RTM, semalam.



Katanya, setakat kelmarin, kadar kesembuhan dan discaj mencatatkan 73.4 peratus daripada keseluruhan 48,520 jumlah kes positif, manakala jumlah kes aktif dengan kebolehhajangan sebanyak 12,601 kes.

Dr Adham berkata, bagi mengawal penularan Covid-19 dalam komuniti, PKPB dan PKPD dilihat sebagai jalan terbaik untuk melandaikan lengkung jangkitan.

"Pergerakan antara daerah dan negeri membantu mengawal kawasan hijau daripada bertukar status kepada kawasan jingga dan merah. Sekiranya tidak dapat dikawal maka PKPD perlu dilaksanakan," katanya.

Mengenai vaksin Covid-19, Dr Adham berkata, sebelum mendapatkannya, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) memerlukan data klinikal fasa ketiga bagi melihat keberkesanan dan keselamatan serta kualiti vaksin itu.

"Walaupun Pfizer dan BioNtech menyasarkan 90 peratus keberkesanan, manakala Moderna mengatakan 94 peratus berkesan, kita masih perlu berunding dengan pihak pembangun vaksin," katanya.

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 12

RUANGAN : LOKAL

KKM tukar jadual imunisasi kanak-kanak

Kuala Lumpur: Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) melaksanakan pertukaran Jadual Imunisasi Kebangsaan Untuk Kanak-kanak membatikan semua Klinik Kesihatan KKM di seluruh negara secara berperingkat bermula awal bulan ini.

Ketua Pengarah Kesihatan Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, pelaksanaan pertukaran jadual imunisasi itu susulan pertukaran jenis vaksin kombinasi lima serangkai - *difteria-tetanus-pertussis-polio-Haemophilus influenza type B (pentavalent DTaP-IPV/Hib)* - kepada vaksin kombinasi enam serangkai di bawah Program Imunisasi Kebangsaan bagi kanak-kanak.

"Vaksin enam serangkai diberikan untuk mencegah

enam jenis penyakit iaitu penyakit *difteria*, *tetanus* (kancing gigi), *pertussis* (batuk kokol), *poliomyelitis*, jangkitan *Haemophilus influenza type B* dan *Hepatitis B (hexavalent DTaP-IPV-HepB-Hib)*.

"Sebanyak empat dos vaksin enam serangkai diberikan kepada setiap kanak-kanak pada umur dua bulan, tiga bulan, lima bulan dan 18 bulan. Di samping itu, vaksin Hepatitis B yang diberi selepas lahir diteruskan.

"Vaksin Hepatitis B yang sebelum ini diberikan pada umur satu bulan dan enam bulan tidak perlu diberikan kerana komponen vaksin Hepatitis B terkandung dalam vaksin kombinasi enam serangkai," katanya dalam kenyataan semalam.

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 18

RUANGAN : MEMERANGI WABAK COVID-19

Kes di Lembah Klang terus melonjak

Antara penyumbang kepada 1,210 kes baharu Covid-19 dilaporkan semalam

PUTRAJAYA

Kes positif pandemik koronavirus (Covid-19) di Lembah Klang terus melonjak kepada 518 kes baharu semalam.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, jumlah berkenaan antara penyumbang kepada 1,210 kes baharu positif Covid-19 di Malaysia semalam.

"Jumlah kes positif Covid-19 di negara ini ialah 49,730 kes dengan 12,788 masih dirawat,"

katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Menurutnya, daripada 518 kes di Lembah Klang, sebanyak 435 kes membabitkan kluster.

"Sebanyak 206 kes yang dilaporkan di Kuala Lumpur adalah daripada Kluster Tapak Bina Damanlela yang kesemuanya melibatkan warga asing," katanya.

Dr Noor Hisham berkata, sebanyak 142 daripada 259 kes yang dilaporkan di Selangor pula terdiri daripada Kluster Teratai membabitkan 131 warga asing.

"Kedua-dua kluster ini merupakan kluster tempat kerja," katanya.

Sementara itu, katanya, di Sabah pula mencatatkan sebanyak 499 kes baharu Covid-19 semalam.

"Sebanyak 122 kes di-

laporkan daripada Kluster Penjara Sandakan manakala 106 kes pula adalah daripada kluster baharu iaitu Kluster Avenue," katanya.

Beliau berkata, sebanyak 172 kes yang dilaporkan semalam adalah berkaitan kluster-kluster di penjara.

"Ini melibatkan Kluster Penjara Sandakan (122 kes), Kluster Tombok (20 kes), Kluster Penjara Kepong (16 kes) dan Kluster Penjara Seberang Perai (14 kes)," katanya.

Selain itu, beliau berkata, Negeri Sembilan merekodkan sebanyak 67 kes baharu selain Perak (47 kes), Pulau Pinang



DR NOOR HISHAM

(33 kes), Kelantan (19 kes), dan Johor (14 kes).

"Kes positif di Kedah pula merekodkan lapan kes, Melaka dan Putrajaya masing-masing dua; manakala Labuan, Sarawak dan Terengganu mencatatkan masing-masing peningkatan satu kes.

"Daripada 1,210 kes baharu hari ini (semalam), sebanyak 19 kes merupakan kes import yang mendapat jangkitan dari luar negara," katanya.

Dr Noor Hisham berkata, terdapat 105 kes sedang dirawat di unit rawatan rapi (ICU) termasuk 40 pesakit memerlukan bantuan pernafasan.


"Daripada maklumat terkini yang dilaporkan, dukacita dimaklumkan bahawa terdapat pertambahan lima kes kematian berkaitan Covid-19. Justeru, jumlah kumulatif kes kematian Covid-19 di Malaysia ialah sebanyak 318 kes iaitu bersamaan 0.6 peratus daripada jumlah keseluruhan kes," katanya.

Berdasarkan ringkasan kes kematian pula, beliau berkata, empat direkodkan di Sabah dan satu di Perak.

Dalam pada itu, Dr Noor Hisham berkata, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mencatatkan sebanyak 1,018 kes pulih semalam.

"Ini menjadikan jumlah kumulatif kes yang telah pulih sepenuhnya daripada Covid-19 adalah 36,624 kes bersamaan 73.6 peratus daripada jumlah keseluruhan kes," katanya.

SITUASI TERKINI KES COVID-19 DI MALAYSIA SETAKAT SEMALAM



AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 20

RUANGAN : NASIONAL

KKM tukar jadual imunisasi kanak-kanak mulai bulan ini

KUALA LUMPUR - Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) melaksanakan pertukaran Jadual Imunisasi Kebangsaan Untuk Kanak-kanak melibatkan semua Klinik Kesihatan KKM di seluruh negara secara berperingkat bermula awal bulan ini.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, pelaksanaan pertukaran jadual imunisasi itu susulan pertukaran jenis vaksin kombinasi lima serangkai - difteria-tetanus-pertussis-polio-Haemophilus influenza type b (pentavalent DTaP-IPV//Hib) - kepada vaksin kombinasi enam serangkai di bawah Program Imunisasi Kebangsaan bagi kanak-kanak.

"Vaksin enam serangkai diberikan untuk mencegah enam jenis penyakit iaitu penyakit difteria, tetanus (kancing gigi), pertussis (batuk kokol), poliomyelitis, jangkitan Haemophilus influenza type b dan Hepatitis B (hexavalent DTaP-IPV-HepB-Hib).

"Sebanyak empat dos vaksin enam serangkai akan diberikan kepada setiap kanak-kanak pada umur dua bulan, tiga bulan, lima bulan dan 18 bulan. Di samping itu, vaksin Hepatitis B yang diberi selepas lahir akan diteruskan.

"Vaksin Hepatitis B yang sebelum ini diberikan pada umur satu bulan dan enam bulan tidak perlu lagi diberikan kerana komponen vaksin Hepatitis B telah terkandung dalam vaksin kombinasi

enam serangkai," katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Susulan pertukaran vaksin itu, Dr Noor Hisham berkata, bilangan suntikan untuk mencegah enam jenis penyakit dapat dikurangkan daripada tujuh suntikan kepada hanya lima suntikan, sekaligus memudahkan ibu bapa untuk memastikan anak-anak mereka diberikan suntikan vaksin mengikut jadual imunisasi yang ditetapkan.

"Walaupun tiada suntikan imunisasi diberikan kepada kanak-kanak pada umur satu bulan dan enam bulan seperti sebelum ini, ibu bapa juga perlu mematuhi jadual kedatangan ke fasiliti kesihatan untuk pemantauan pertumbuhan dan perkembangan kanak-kanak seperti yang ditetapkan dalam Buku Rekod Kesihatan Bayi dan Kanak-kanak (0 hingga 6 tahun)," tambahnya.

Mengulas lanjut, beliau berkata, vaksin enam serangkai adalah vaksin yang berkesan dan selamat dengan kesan advers susulan imunisasi (AEFI) vaksin itu dipantau oleh Bahagian Regulatori Farmasi Negara (NPRA).

Beliau berkata, sejak vaksin itu digunakan oleh fasiliti kesihatan swasta di Malaysia pada 2013, tiada sebarang isu keselamatan serius dilaporkan.

"Namun, ia merupakan vaksin yang baharu digunakan di bawah Program Imunisasi Kebangsaan di fasiliti kesihatan KKM," katanya. - *Bernama*

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA

MUKA SURAT : 5

RUANGAN : DALAM NEGERI



Ujian saringan Covid-19

SERAMAI 3,550 pekerja kilang Top Glove di Meru, Klang, Selangor menjalani saringan Covid-19 berikutan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketat (PKPD) mulai kelmarin sehingga 30 November ini. PKPD di asrama pekerja Top Glove itu

dikuatkuasakan selepas 215 kes positif Covid-19 dikesan di situ.

Operasi kilang itu bagaimanapun berjalan seperti biasa kerana PKPD hanya melibatkan pekerja-pekerja yang tinggal di asrama dalam sektor A dan B.

■ PETUGAS kesihatan melakukan ujian saringan Covid-19 terhadap pekerja kilang warga asing Top Glove selepas 215 kes positif Covid-19 dikesan di asrama pekerja kilang sarung tangan itu di Meru, Klang, semalam. - UTUSAN/ZULFADHLI ZAKI

Kes warga asing makin tinggi

Oleh MAISARAH SHEIKH RAHIM
maisarah.rahim@mediamula.com.my

PUTRAJAYA: Lembah Klang mencatatkan sebanyak 518 kes baharu positif Covid-19 dengan 435 kes daripadanya disumbangkan daripada kluster-kluster.

Sebanyak 206 kes daripada keseluruhan 238 kes di Kuala Lumpur adalah daripada Kluster Tapak Bina Damanlela yang kesemuanya melibatkan bukan warganegara.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr. Noor Hisham Abdullah berkata, sebanyak 142 kes dilaporkan di Selangor pula adalah daripada Kluster Teratai melibatkan 131 kes bukan warganegara dengan kedua-dua kluster itu merupakan kluster melibatkan tempat kerja.

Menurut beliau, sebanyak 72 daripada 162 kluster aktif dilaporkan adalah berkaitan dengan tempat kerja termasuk empat kluster baharu hari ini.

"Peningkatan kes mendadak di Lembah Klang akhir-akhir ini disebabkan peningkatan kes berkaitan tempat kerja berikutan ketiga-tiga negeri ini adalah pusat tumpuan warga pekerja.

"Kepadatan penduduk di

“Kepadatan penduduk di negeri-negeri ini juga menjadi salah satu faktor risiko meningkatnya penularan penyakit Covid-19.”

NOOR HISHAM ABDULLAH

negeri-negeri ini juga menjadi salah satu faktor risiko meningkatnya penularan penyakit Covid-19," katanya dalam kenyataan di sini semalam.

Noor Hisham berkata, Sabah mencatatkan sebanyak 499 kes daripada keseluruhan 1,210 kes positif baharu menjadikan jumlah kes positif di negara ini sebanyak 49,730 kes, manakala jumlah kes aktif kebolehhajangkitan pula adalah 12,788 kes.

Katanya, terdapat lima kematian direkodkan selain lima lagi kluster baharu dicatatkan iaitu Kluster Avenue di Penampang,

Sabah dengan kes indeks melibatkan seorang penyelia tapak pembinaan sekali gus menjadikan kes positif dikesan dalam kluster itu sebanyak 110 kes.

Selain itu, kata beliau, Kluster Kejora di Kota Kinabalu, Sabah merekodkan 19 kes manakala Kluster Kasah di Kepong, Kuala Lumpur pula dikenal pasti dari hasil saringan kumpulan berisiko tinggi iaitu pekerja-pekerja di sebuah syarikat keselamatan melibatkan kesemua bukan warganegara.

Kluster Summer pula, jelas beliau, melibatkan Timur Laut, Pulau Pinang (11 kes) dan Kluster Mengketil di Kota Bharu, Machang dan Tanah Merah, Kelantan dan Besut, Terengganu (24 kes).

"Sebanyak lima kluster disyiharkan tamat iaitu Kluster Bangau-Bangau, Kluster Tasik, Kluster Olive, Kluster Buang Sayang dan Kluster Kau Sing.

"Sehingga kini, terdapat 105 kes positif sedang dirawat di Unit Rawatan Rapi (ICU) yang mana 40 kes memerlukan bantuan pernafasan, manakala bilangan kes pulih amat membanggakan sebanyak 1,018 kes," katanya.

Perkembangan kes positif di negeri-negeri lain pula, kata be-

liau, Selangor merekodkan 259 kes, Negeri Sembilan (67 kes), Perak (47 kes), Pulau Pinang (33 kes), Kelantan (19 kes), Johor (14 kes) dan Kedah (lapan kes).

Selain itu, katanya, terdapat dua kes di Melaka dan Putrajaya selain Labuan, Sarawak dan Terengganu masing-masing mencatatkan satu kes.

"Sebanyak 172 kes berkaitan kluster-kluster di penjara melibatkan Kluster Penjara Sandakan (122 kes), Kluster Tombok (20 kes), Kluster Penjara Keparayan (16 kes), dan Kluster Penjara Seberang Perai (14 kes)," katanya.

Mengulas lanjut, Noor Hisham berkata, terdapat beberapa faktor penularan penyakit berjangkit dalam kalangan pekerja misalnya isu tempat penginapan, kebersihan kendiri dan juga persekitaran tempat tinggal serta tempat kerja.

Jelasnya, isu penularan Covid-19 dalam kalangan pekerja bukan warganegara merupakan isu penting yang perlu ditangani, justeru pihak majikan diseru memainkan peranan lebih besar dalam sama-sama menanganinya termasuk menyediakan penginapan kondusif untuk memastikan penjarakan fizikal selamat dapat diamalkan.

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA

MUKA SURAT : 39

RUANGAN : LUAR NEGARA

Vaksin Moderna lindungi 75 peratus rakyat AS

WASHINGTON: Pegawai tertinggi penyakit berjangkit di Amerika Syarikat (AS), Anthony Fauci menyifatkan kejayaan syarikat bioteknologi Moderna menghasilkan vaksin Covid-19 dengan 94.5 peratus keberkesanan sebagai 'sangat membanggakan'.

Menerusi wawancara bersama AFP, Fauci menyatakan bahawa vaksin tersebut boleh melindungi 70 hingga 75 peratus penduduk negara ini daripada jatuh sakit atau dijangkiti wabak Covid-19.

"Penghasilan vaksin tersebut yang mempunyai tahap keberkesanan melebihi 90 per-

tus amat membanggakan dan saya tidak rasa pihak lain boleh mencapai kejayaan sebegini," katanya.

Vaksin itu dihasilkan dengan teknologi messenger RNA (mRNA) yang ciri-cirinya diprogram menggunakan molekul sintetik.

Tiada vaksin yang dihasilkan menggunakan teknologi tersebut pernah diluluskan sebelum ini.

Semalam, Moderna mengumumkan bahawa ujian klinikal terhadap 30,000 responden yang dijangkiti Covid-19 menunjukkan vaksin tersebut berkesan 94.5 peratus untuk mencegah


jangkitan koronavirus.

Dalam pada itu, syarikat farmaseutikal Pfizer mula melancarkan program penghantaran vaksin ke empat negeri di AS sebagai pemantauan.

Hal ini kerana vaksin yang dihasilkan oleh Pfizer memerlukan suhu terlalu rendah dan keadaan itu menyukarkan proses penghantaran secara menyeluruh.

Vaksin keluaran syarikat tersebut perlu disimpan pada suhu -70 darjah Celsius berbanding vaksin biasa hanya memerlukan suhu serendah 2 hingga 8 darjah Celsius. - AFP/REUTERS

VAKSIN Covid-19 yang dihasilkan oleh Moderna dilihat mampu melindungi 70 hingga 75 peratus rakyat AS daripada dijangkiti Covid-19. - AFP



AKHBAR : NEW STRAITS TIMES
 MUKA SURAT : 4
 RUANGAN : NEWS/STORY OF THE DAY

FIVE NEW CLUSTERS DETECTED

1,210 NEW CASES, 5 DEATHS RECORDED

Health D-G: Surge of Covid-19 cases in Klang Valley are from clusters related to workplace

NOR AIN MOHAMED RADHI
 AND MOHAMED BASYIR
KUALA LUMPUR
 news@nst.com.my

FOR the fifth consecutive day, Malaysia's daily cases hit four digits with 1,210 new Covid-19 cases up to noon yesterday.

Health director-general Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah said the figures raised Malaysia's cumulative tally of infections to 49,730, 12,788 of which are active cases.

He said Klang Valley contributed 42.8 per cent, or 518 cases, yesterday. From this, 435 cases were from clusters.

"A total of 206 new cases were recorded from Damanlela construction site cluster in Kuala Lumpur involving foreigners, while 142 other new cases were from Teratai cluster in Selangor, involving 131 foreigners," he said.

Selangor recorded a total of 259 new cases yesterday, followed by Kuala Lumpur with 238 and Putrajaya with two.

Dr Noor Hisham said Sabah recorded 499 new cases (41.2 per cent), with 122 cases recorded from the Sandakan Prison cluster and 106 others from the Avenue cluster.



Frontliners conducting active case detection at a workers' dormitory in Klang yesterday. PIC BY ASYRAF HAMZAH

